

TERMA DAN SYARAT “KEMPEN KAD DEBIT-i UCSI”

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Kad Debit-i UCSI” (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) [“Bank”] bermula pada 26 April 2021 pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 31 Julai 2021 pukul 23:59:59 jam (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&Cs”)

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&Cs”):

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka khusus kepada seluruh pemegang Kad Debit-i UCSI yang aktif.
2. Pelanggan seperti berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - a) Pelanggan yang memiliki Kad Debit-i UCSI dan Akaun Semasa atau Simpanan-i (“CASA-i”) yang tidak berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada akaun yang ditutup atau CASA-i yang melanggar terma dan syarat Bank mengenai Kad Debit-i UCSI dan/ CASA-i pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
 - b) Pelanggan Kad Debit-i UCSI miliknya tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen; dan/atau
 - c) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

KAEDAH KEMPEN

A. Kempen Pulangan Tunai

3. Untuk layak menerima pulangan tunai Ringgit Malaysia Dua (RM2) (“Pulangan Tunai”) dalam Kempen ini, Pelanggan MESTILAH melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Layak (ditakrif di bawah Fasal 7) dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) bagi setiap Transaksi Layak dalam tempoh masa Kempen (seperti ditakrif di bawah Fasal 5) untuk menerima Pulangan Tunai (“Transaksi Layak”).
4. Pulangan Tunai akan diberi bagi setiap Transaksi Layak yang dibuat.
5. Pulangan Tunai bagi setiap Pelanggan Layak dihadkan setakat Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) sepanjang Tempoh Kempen.
6. Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai maksimum yang disediakan oleh Bank bagi Kempen Pulangan Tunai ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tiga Ribu Dua Ratus (RM33,200) sepanjang Tempoh Kempen (“Had Peruntukan”) atas dasar siapa cepat dia dapat. Walau apa pun, tiada lagi Pulangan Tunai akan diberi sebaik sahaja Had Peruntukan bagi Kempen ini telah dicapai.

7. Bagi tujuan Fasal 3 di atas, “**Transaksi Layak**” meliputi yang berikut:
- Pembelian Runcit yang dilakukan di tempat jualan (transaksi hadir kad) di mana-mana saluran runcit di Malaysia dalam Ringgit Malaysia (RM).
 - Pembelian Runcit yang dilakukan dalam talian (transaksi tanpa hadir kad) di mana-mana laman web e-dagang dalam Ringgit Malaysia (RM).
8. Transaksi Layak TIDAK TERMASUK yang berikut:
- Pembelian Runcit yang dilakukan di tempat jualan (transaksi hadir kad) di mana-mana saluran runcit di luar Malaysia.
 - Pembelian Runcit yang dilakukan dalam talian (transaksi tanpa hadir kad) di mana-mana laman web e-dagang yang dilakukan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia (RM).
 - Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dikhaskan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - Bayaran fi terbitan/fi tahunan/fi pembaharuan Kad Debit-i Bank;
 - Apa-apa bayaran berbahagi; ini bermaksud membahagi dua satu amaun penuh kepada dua transaksi serentak atau lebih dengan cara pembayaran yang berbeza.
9. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya akan diberi kepada Transaksi Layak seperti dalam contoh di bawah ini:

Senario

| Tempoh Kempen | Tarikh transaksi dilakukan | Amaun Transaksi | Kelayakan Pulangan Tunai | Catatan |
|-------------------------------------|----------------------------|-----------------|--------------------------|---|
| 26 April 2021 - 31 Julai 2021 | 26/4/2021 | RM20 | RM2 | Dihadkan setakat 10 transaksi dengan jumlah amaun pulangan tunai RM20 |
| | 27/4/2021 | RM18 | RM0 | |
| | 28/4/2021 | RM 21 | RM2 | |
| | 29/4/2021 | RM50 | RM2 | |
| | 30/4/2021 | RM10 | RM0 | |
| | 1/5/2021 | RM100 | RM2 | |
| | 2/5/2021 | RM25 | RM2 | |
| | 3/6/2021 | RM30 | RM2 | |
| | 4/6/2021 | RM8 | RM0 | |
| | 5/6/2021 | RM20 | RM2 | |
| | 7/6/2021 | RM250 | RM2 | |
| | 10/6/2021 | RM300 | RM2 | |
| | 11/6/2021 | RM5 | RM0 | |
| | 1/7/2021 | RM200 | RM2 | |
| | 2/7/2021 | RM100 | RM0 | |
| Jumlah | | | RM20 | |

10. Transaksi Layak seperti mana diperincikan dalam Fasal 3 yang berjaya dicatatkan dan dipaparkan dalam sistem dan rekod Bank dengan amaun transaksi berkenaan berjaya didebitkan daripada CASA-i dipautkan kepada Kad Debit-i UCSI akan layak menerima Pulangan Tunai.

11. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan Transaksi Layak di luar kawalan munasabah Bank yang boleh menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menerima Pulangan Tunai.
12. Bank akan menjejaki Transaksi Layak dari hari pertama (1) mulai tarikh kempen bermula sehingga tempoh kempen berakhir. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA-i Pelanggan Layak pada bulan berikut dari tarikh transaksi dilakukan.
13. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan Layak seperti dalam contoh di bawah ini:

Senario

| Tarikh Transaksi Layak | Pulangan Tunai Dikreditkan ke dalam CASA Pelanggan Layak |
|------------------------|--|
| 26 April 2021 | 31 May 2021 – 4 June 2021 |
| 3 May 2021 | 31 May 2021 – 4 June 2021 |
| 10 May 2021 | 31 May 2021 – 4 June 2021 |
| 17 May 2021 | 28 June 2021 – 3 Julai 2021 |
| 24 May 2021 | 28 June 2021 – 3 Julai 2021 |
| 31 May 2021 | 28 June 2021 – 3 Julai 2021 |

14. Setakat dan sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank dikecualikan daripada apa-apa tanggungjawab dan tanggungan akibat sebarang penundaan, pembatalan, kelengahan atau perubahan dalam perincian Pulangan Tunai atau apa-apa keadaan lain tak terduga di luar kawalan munasabah Bank.

B. Kempen Peraduan

15. Hadiah-hadiah Peraduan (“Hadiah”) dan bilangan pemenang (“Pemenang”) ialah:

| Hadiah | Ganjaran | Bil. Pemenang |
|-----------------------|-------------------------------------|---------------|
| Hadiah Utama Peraduan | ipad Air (64gb) | 1 |
| Hadiah Kedua | Fitbit Versa 3 | 2 |
| Hadiah Ketiga | Powerbeats Wireless Earphone | 2 |

16. Untuk layak menerima satu (1) penyertaan Peraduan, Pelanggan hendaklah melakukan sekurang-kurangnya satu (1) Transaksi Layak (ditakrif di bawah Fasal 7) dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) bagi setiap Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen. Pelanggan berhak menerima bilangan penyertaan peraduan tidak terhad bagi Transaksi Layak yang dilakukan dalam Tempoh Kempen.

| | |
|----------------------------------|---------------------|
| Transaksi Layak Kad Debit-i USCI | Penyertaan Diterima |
|----------------------------------|---------------------|

| | |
|--|---|
| Satu (1) Transaksi Layak dengan amaun minimum RM20 | 1 |
|--|---|

17. CASA-i yang dipautkan kepada Kad Debit-i UCSI mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) semasa tempoh kempen sehingga tamat kempen. Sekiranya CASA-i ditutup kerana apa jua sebab pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen sehingga tamat kempen, Pelanggan Layak akan terlucut kelayakannya daripada menerima Hadiah.

C. Pemilihan Pemenang dan Pemenuhan Hadiah

18. Proses pemilihan Pemenang adalah seperti berikut:
- a. Pelanggan Layak yang telah melakukan transaksi Kad Debit-i UCSI menerima penyertaan selaras dengan Fasal 15 seperti di atas, akan disaring untuk Hadiah;
 - b. Lima Puluh (50) Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak pada penghujung Tempoh Peraduan (“Pelanggan Disaring”)
19. Pelanggan Disaring akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) oleh penyedia perkhidmatan SMS lantikan HLISB atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Disaring seperti terdapat dalam sistem HLISB SEKALI SAHAJA pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawab untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam tempoh masa yang terpantas. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad - 199901007872(482772-D), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank (“M3 Tech”).
20. Pelanggan Disaring akan terlucut kelayakan daripada menyertai Peraduan ini jika memberi jawapan yang salah dan/atau tidak menjawab soalan yang dihantar oleh HLISB atau penyedia perkhidmatan SMS lantikannya melalui SMS dalam masa satu (1) hari kalendar.
21. Lima (5) Pelanggan Disaring pertama yang menjawab melalui SMS dengan jawapan yang betul dengan format yang betul dan dalam tempoh masa yang terpantas mengikut arahan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau penyedia perkhidmatan SMS lantikannya akan dianggap pemenang (“Pemenang”) Hadiah Peraduan.
22. Pelanggan Disaring mestilah menanggung kos SMS yang dikenakan kerana menyertai Peraduan.
23. HLISB tidak bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan apa-apa SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang menyebabkan Pelanggan Disaring tertinggal daripada menyertai Peraduan ini.
24. Pengumuman Pemenang dan penyerahan Hadiah adalah seperti berikut (“Pengumuman Pemenang”):

| | | |
|----------|---------------------|-----------|
| Pemenang | Pengumuman Pemenang | Pemenuhan |
|----------|---------------------|-----------|

| | | |
|-----------------|--|--|
| Hadiah Peraduan | Dalam masa 60 hari perniagaan selepas tamatnya Tempoh Peraduan | Pemenang akan dihubungi Bank sama ada melalui surat atau panggilan telefon untuk urusan penyerahan hadiah. |
|-----------------|--|--|

25. Pemenang akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank (“Pemberitahuan Pemenang”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon atau alamat terkini mereka seperti mana terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank.
26. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan pada dasarnya berkewajipan memberi nombor telefon dan alamat mereka yang terkini kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghantar / menyerahkan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon dan/atau alamat yang tidak tepat / tidak sah diberikan Pelanggan, atau SMS tidak dapat dihantar / diserahkan atas apa jua sebab sekalipun. Selain itu, Pengumuman Pemenang (misalnya, Nama dan nombor MyKad/pasport (“ID”) terlindung) akan dipaparkan dalam Portal UCSI atau sebarang saluran komunikasi menerusi UCSI dalam tempoh masa yang ditentukan di bawah Fasal 15 – bahagian Pemilihan Pemenang dan Pemenuhan Hadiah.
27. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam CASA-i Pelanggan Layak tentang langganan berkaitan yang mungkin menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menerima penyertaan Peraduan.
28. Setakat dan sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala tanggungan berbangkit daripada apa-apa penundaan, pembatalan, kelengahan atau perubahan kepada perincian Hadiah atau apa-apa keadaan tak terduga di luar kawalan munasabah Bank dan apa-apa perbuatan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga (jika ada).
29. Akaun Pemenang mestilah aktif dan sah, dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Peraduan ini pada masa pemberian Hadiah, jika tidak Hadiah akan dilupuskan menurut budi bicara HLISB. Jika berlaku pelupusan, pemilihan untuk mendapatkan gantian tidak akan dibuat.
30. Semua Hadiah akan diberi atas dasar sebagaimana ada kepada Pemenang terpilih sahaja. Hadiah tidak boleh dipindah milik ataupun ditukar ganti. HLISB berhak menggantikan Hadiah itu dengan mana-mana barangan lain yang sama nilainya atas budi bicara Bank.

UMUM

31. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Terpilih:
 - a) mengesahkan dan mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs di dalam ini serta Terma dan Syarat Bank mengenai Kad Debit-i dan/atau CASA-i Bank yang boleh dilayari di www.hlisb.com.my/ucsi (“**Laman Web Bank**”);
 - b) bersetuju semua rekod transaksi yang tersimpan dalam sistem Bank untuk tujuan Kempen adalah tepat dan muktamad;
 - c) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua transaksi Layak;

- d) bersetuju bahawa apa-apa pembalikan transaksi tidak akan diambil kira dalam memenuhi Transaksi Layak;
 - e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - f) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen ini untuk memastikan Pelanggan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - g) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka, seperti nombor telefon kepada vendor pihak ke-3 yang dibenarkan, iaitu M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) yang dianggap wajar oleh Bank bagi tujuan penghantaran SMS untuk mempromosi Kempen ini.
32. Bank berhak:
- a) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen ini. Terutamanya mana-mana Pelanggan Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dengan cara atau corak yang dianggap tidak normal, tidak teratur dan/atau menunjukkan suatu percubaan untuk meraih keuntungan yang tidak adil berbanding Pelanggan Layak yang lain; dan
 - b) melupuskan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai jika terdapat pembalikan Transaksi Layak, jika berkenaan, atau penamatan Kad Debit-i dalam Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pulangan Tunai atau tidak patuh kepada T&Cs di dalam ini;
 - c) menambah, menggugurkan atau meminda T&Cs di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pelanggan Layak.
33. Bank tidak bertanggungjawab sama sekali atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh MyDebit/ Mastercard, organisasi Peniaga, atau mana-mana pihak menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
34. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
35. Selain terma-terma yang disyaratkan di atas, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Bank mengenai Kad Debit-i dan/atau CASA-i mestilah dibaca bersama-sama T&Cs di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara T&Cs ini dengan Terma dan Syarat Bank, maka terma-terma tertentu dalam T&Cs ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
36. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan lain-lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad seperti dalam Laman Web Bank akan diutamakan.
37. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.



Akaun Semasa dan Simpanan-i adalah akaun deposit berlandaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq dan dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.